

Philea Resort & Spa saji 388 juadah buka puasa

MELAKA 24 Julai - Philea Resort & Spa Ayer Keroh menyajikan sebanyak 388 juadah berbuka puasa daripada pelbagai jenis makanan bagi pilihan pengunjung sempena Ramadan ini.

Pengarah Komunikasi Pemasarannya, Connie Chin berkata, bufet Ramadan yang diadakan setahun sekali itu merangkumi pelbagai hidangan menarik termasuk pembuka selera, sup, hidangan utama, ulam-ulaman dan pencuci mulut.

Menurutnya, para pengunjung boleh menikmati sajian pelbagai makanan enak dengan tema '388 Rasa-Rasa Ramadan' yang disediakan pasukan kulina-ri resort diketuai Chef Eksekutif Azmi Desa.

"Menu bufet ini dibuka setiap hari kepada orang ramai bermula pada pukul 6.45 petang hingga 10 malam sepanjang Ramadan di Oasis Square dengan harga RM72 bagi dewasa dan RM40 bagi kanak-kanak.

"Antara hidangan istimewa yang disajikan termasuklah Sup Gearbox, Kari Kepala Ikan, Asam Pedas Melaka, Daging Gulai Kawah, Ayam Percik Kelantan, Ayam Palembang, Daging Hitam Manis; Rusk Kambing Panggang Herba dan banyak lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Philea Resort & Spa Ayer Keroh, di sini semalam.

Sementara itu jelas Connie, pihak resort turut mengadakan promosi menginap di Philea Resort dengan harga RM345 beserta bufet Ramadan bagi dua orang.

"Orang ramai diharapkan tidak melepaskan promosi dengan potongan sehingga 70 peratus itu yang hanya sah sepanjang Ramadan ini," ujarnya.